

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Makluman Penilaian Program Diploma Kejuruteraan, Diploma dan Sarjana
Muda Teknologi Kejuruteraan kepada "Engineering Technology
Accreditation Council" (ETAC), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)**

[Surat Makluman MQA Bil. 2/2024 bertarikh 13 Mei 2024]

Ringkasan ketetapan

- i. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil.1/2024 pada 5 Mac 2024 telah memutuskan permohonan baharu dan pembaharuan program Diploma Kejuruteraan, Diploma dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan perlu melalui penilaian LJM bermula 1 Mac 2025.
- ii. Program yang telah beralih kepada penilaian badan profesional perlu memulangkan sijil akreditasi program lama kepada MQA untuk dikemas kini dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR).
- iii. Selaras dengan keputusan tersebut, UPM dimohon untuk mengemukakan permohonan akreditasi bagi program-program tersebut untuk penilaian oleh pihak ETAC, LJM bagi membolehkan graduan berdaftar dengan LJM sebagai Teknologis Kejuruteraan bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan dan sebagai Juruteknik Kejuruteraan bagi program Diploma Kejuruteraan dan Diploma Teknologi Kejuruteraan.

Tindakan di peringkat UPM

- iv. Berdasarkan semakan CQA, terdapat satu program dikenal pasti berkaitan dan perlu mengambil perhatian dan tindakan bagi perkara (i) hingga (iii) di atas, iaitu:

Program/Fakulti	Nombor Akreditasi
Diploma Kejuruteraan Teknologi Pertanian Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains (FKPS)	MQA/SWA0398

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Universiti Putra Malaysia
7 Oktober 2024